

UM 26/3/05 11:1

PEMBENTUKAN Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) merupakan satu dimensi baru dalam kerangka kerajaan memartabatkan pengurusan dan pengantarabangsaan pengajian tinggi nasional.

Pemangku Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik berkata, keserasian institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA dan IPTS) serta Kolej Komuniti di bawah payung kementerian yang tersendiri akan mengorak satu sinergi baru ke arah pendidikan yang berkualiti, berfokus dan bersifat sepanjang hayat.

"Sesungguhnya kita amat yakin bahawa kewujudan KPT berupaya menjadi katalis terpenting dalam menjamin kualiti dan daya maju wawasan pendidikan tinggi melalui kesepaduan gerak strategi fungsi-fungsi IPTA dan IPTS," katanya.

Menurut Dr. Abdul Razak, penubuhan KPT adalah seiringan dengan hasrat dan wawasan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi serantau serta bercirikan kemudahan bertaraf dunia.

Abdul Razak berkata, UUM pula amat menitikberatkan kualiti pengajaran dan pengajian serta imej yang dibawa oleh pelajar kerana ia mencerminkan prestasi UUM sendiri.



Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik
Pemangku Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM)